

27 NOV 1998

Mahathir-Gore

KENYATAAN GORE SAHKAN AMARAN DR MAHATHIR, KATA PAKAR

Daripada: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 27 Nov (Bernama) -- Seorang daripada wartawan terkemuka Australia berkata kenyataan bercorak hasutan oleh Naib Presiden Amerika Syarikat Al Gore di Kuala Lumpur semasa sidang kemuncak Apec baru-baru ini, hanya mengesahkan amaran Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad bahawa Malaysia sedang diserang pihak asing yang cemburu akan kejayaannya.

Pakar hal ehwal Asia, Peter Hartcher dalam "Australian Fiancial Review" berkata bahawa dengan cara yang begitu mudah sahaja Gore telah mengesahkan amaran Dr Mahathir itu.

Katanya Gore telah bertindak lebih jauh daripada campur tangan dalam urusan politik dalaman untuk menyebelahi satu pihak daripada pihak yang satu lagi.

Dengan memuji gerakan reformasi, beliau telah menunjukkan bahawa kumpulan penyokong Anwar (bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim), secara rasminya disokong oleh dasar AS, katanya.

Ia merupakan satu pengesahan secara terbuka bahawa Dr Mahathir seorang yang bijak, kata Hartcher.

Hartcher berkata untuk menggesa kepimpinan Australia supaya meniru Gore adalah seperti memperjuangkan ke arah melemahkan apa yang dikatakan gerakan reformasi Anwar itu.

Katanya Perdana Menteri Australia John Howard "menyuarakan secara terus kepada Dr Mahathir kebimbangannya terhadap kes Anwar dan menghebahkannya kepada umum. Beliau telah mengarahkan Menteri Luarnya (Alexander Downer) untuk berjumpa isteri Anwar, sebagai tanda simpati.

"Tetapi untuk mengambil pendekatan seperti Gore adalah perbuatan tolol yang membawa keburukan. Ia boleh membahayakan eksport Australia, semuanya semata-mata dengan tujuan membawa lebih banyak kerosakan terhadap Anwar dan gerakan reformasi itu".

-- BERNAMA

NDC RHM NMO